PERKAHWINAN

# Toleransi, komunikasi baik mampu elak pertelingkahan

Baru-baru ini masyarakat dibentangkan dengan kejadian majlis perkahwinan yang tidak dapat dilangsungkan. Dalam perkara ini, biasanya kedua-dua pihak saling menyalahkan antara satu sama lain tanpa menyedari masalah sebenar datang daripada diri sendiri.

Dalam konteks ini, kita tidak perlu menyalahkan mana-mana pihak. Jika mengikut adat, pihak perempuan berhak meletakkan nilai hantaran dan dipersetujui.

Namun, yang menjadi masalah apabila kurang toleransi dan persefahaman antara kedua-dua pihak. Pada dasarnya ia dapat diselesaikan melalui komunikasi yang baik. Bagaimanapun, pihak perempuan perlu faham keadaan bakal pengantin lelaki.

Sememangnya, pertelingkahan memberikan kesan negatif, seolah-olah masyarakat hari ini lebih suka menimbulkan pergaduhan dan permusuhan daripada duduk berbincang secara harmoni mencari jalan penyelesaian.

Justeru, bagi masyarakat yang matang, perlu berfikir dengan lebih rasional bagaimana mendepani situasi ini.

Pada asal tujuannya untuk memenuhi dan mengeratkan silaturahim tetapi malangnya berakhir dengan permusuhan dan pertelingkahan.



22 NASIONAL

BH

## Polis siasat bakal pengantin ditumbuk

» Jumlah wang hantaran tak cukup punca kecoh jadi viral

"Polis sedang menyiasat kerana kami menerima laporan pengadu (pengantin lelaki) ditumbuk beberapa kali seorang individu, dipercayai saudara pengantin perempuan"

Keratan akhbar BH pada **30 Mac lalu.**

### Zahir kelemahan masyarakat

Perkara ini jelas menzahirkan kelemahan masyarakat kita hari ini kepada masyarakat luar.

Sebagai wakil suara generasi muda yang bakal mendepani dan mengharungi alam perkahwinan dan kekeluargaan, jika isu perkahwinan dan pernikahan ini terus berlaku sehingga menjadi mainan dan hiburan di media sosial dan akhbar, pasti generasi kini akan menghadapi masalah besar untuk terus mendepani alam perkahwinan.

### Bimbing generasi muda

Justeru, bersama kita sebagai masyarakat yang menjadi contoh di mata dunia sebagai masyarakat yang kaya dengan adat dan budaya serta tinggi budi pekerti serta sopan santun untuk terus membimbing generasi kini mendepani cabaran masa hadapan dengan lebih saksama dan terkehadapan tanpa ada halangan dan permasalahan.

**Hanafi Hamid,**
Universiti Sains Islam Malaysia